



UTHM/PP/100-6/3 Jilid 15 (06)

15 Februari 2024

PEKELILING PENGURUSAN BIL. 03 TAHUN 2024

DASAR PENJENAMAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

TUJUAN

Pekeling Pengurusan Bil. 03 Tahun 2024 ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1 Tahun 2024 bertarikh 14 Januari 2024 yang meluluskan cadangan Dasar Penjenamaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

LATAR BELAKANG

Dasar Penjenamaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ini diwujudkan bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengendalian proses penjenamaan dan etika penggunaan jenama Universiti seperti aktiviti dan strategi penjenamaan dengan mengikut tatacara yang betul, selari dengan visi dan misi Universiti serta memenuhi Sasaran Kerja Tahunan UTHM (SKTU).

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Dasar Penjenamaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah seperti di Lampiran 1.

TARIKH KUAT KUASA


Pelaksanaan Dasar ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya diluluskan.

Sekian untuk makluman dan perhatian Yang Berhormat Prof. Dato'/YBhg. Prof./Tuan/Puan.

Terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”**

Yang benar,


NAIM BIN MASLAN
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
: 07-4537100



DASAR PENJENAMAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEJABAT PEMASARAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. Pengenalan

Penjenamaan merupakan elemen penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi dalam membina imej serta persepsi pemegang taruh seperti Ahli Lembaga Pengarah, industri, agensi awam dan swasta, ibu bapa, para pelajar serta alumni terhadap Universiti.

2. Objektif

Objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- 2.1 Menjelaskan tatacara pengendalian proses penjenamaan dan etika penggunaan jenama Universiti mengikut tatacara yang betul, tepat dan seragam.
- 2.2 Memastikan aktiviti penjenamaan Universiti dijalankan secara efisien dan efektif bagi mewujudkan perspektif positif dan persepsi yang baik terhadap jenama Universiti.
- 2.3 Memastikan strategi penjenamaan adalah selari dengan visi dan misi Universiti dan memenuhi Sasaran Kerja Tahunan UTHM (SKTU).

3 Tafsiran

Dalam Dasar ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- 3.1 “**Elemen Jenama**” ertinya tanda jenama, paparan visual (reka bentuk *banner*, *banting*, poster, *ebanner*), jurucakap (ikon, pelajar, staf, tokoh, pakar bidang) suara (lagu, nada suara), perkataan (slogan, motto, nilai, hala tuju) yang menyokong identiti Universiti;

- 3.2 “**Jawatankuasa Eksekutif**” ertinya Pihak Berkuasa Universiti yang mempunyai autoriti untuk membuat keputusan di peringkat Universiti;
- 3.3 “**JKPPU**” ertinya Jawatankuasa Penarafan dan Penjenamaan Universiti yang terhasil daripada penjenamaan semula Jawatankuasa Penarafan Universiti yang telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Bilangan 14/2021 bertarikh 27 Julai 2021;
- 3.4 “**Kebenaran Am**” ertinya kebenaran penggunaan tanda jenama mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam Manual Korporat (Lambang dan Motif Korporat) UTHM;
- 3.5 “**Ketua Pusat Tanggungjawab / Ketua PTJ**” termasuklah semua Dekan Fakulti, Pengarah Pejabat, Institut, Pusat, Bahagian atau Ketua Unit yang mengetuai sesuatu Pusat Tanggungjawab dalam UTHM;
- 3.6 “**Logo**” ertinya adalah unsur grafik bagi tanda niaga atau jenama, yang diset dalam *font/jenis* taip khas, atau diatur dalam bentuk tertentu dan boleh dikenali;
- 3.7 “**Logo Universiti**” termasuklah gabungan logo dan nama “Universiti Tun Hussein Onn Malaysia”.
- 3.8 “**Penjenamaan**” ertinya proses memberikan nilai kepada syarikat, produk atau perkhidmatan tertentu dengan mencipta sesuatu imej, bayangan atau perasaan dalam minda pengguna;
- 3.9 “**PPKK**” ertinya Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat;
- 3.10 “**Reka Bentuk**” ertinya rancangan (corak, bentuk dan seumpamanya) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu binaan.

- 3.11 “**Simbol**” ialah objek yang mewakili atau memberi maksud atau melambangkan, sebuah idea, imej visual, kepercayaan, tindakan, atau entiti material;
- 3.12 “**Staf**” ertinya semua orang yang diambil bekerja oleh Universiti;
- 3.13 “**Tanda Jenama**” ertinya logo Universiti, elemen logo, lambang korporat, imej, warna atau simbol yang menunjukkan identiti visual atau membayangkan pemilikan Universiti;
- 3.14 “**Universiti / UTHM**” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia; dan
- 3.15 “**Warna tema**” ertinya warna yang berdasarkan warna korporat Universiti (unsur warna biru, merah, kelabu) sepetimana yang ditetapkan dalam Manual Korporat (Lambang dan Motif Korporat) UTHM.

4 Skop dan Pemakaian Dasar Penjenamaan Universiti

- 4.1 Dasar ini terpakai kepada semua proses penjenamaan oleh unit organisasi, kakitangan, pemegang gelaran, pelajar dan individu atau badan bersekutu atau pihak luar.
- 4.2 Dasar ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Manual Korporat Universiti serta undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan jenama dan cap dagangan UTHM iaitu Polisi Harta Intelek yang boleh dicapai menerusi pautan : (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/dasar-garis-panduan/manual-korporat>) dan (http://pendaftar.uthm.edu.my/images/Pekeliling_Pengurusan/2021/Lampiran_6 - Polisi_Harta_Intelek.pdf).
- 4.3 Tanda jenama Universiti yang diluluskan telah diperincikan dalam Manual Korporat Universiti dan merangkumi kaedah pemakaian logo Universiti, cap dagangan, elemen jenama (nama Universiti atau nama domain).

- 4.4 Kelulusan dan kebenaran pemakaian tanda dan elemen jenama Universiti adalah melalui semakan PPKK menerusi Borang Permohonan Semakan Rekabentuk dan Percetakan bagi tujuan penerbitan, kandungan hebahan dan pengiklanan sama ada fizikal atau digital yang boleh dicapai menerusi pautan : (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/muat-turun/templat-perbentangan/6-borang-rekaan-grafik-dan-percetakan/27-permohonan-semakan-rekabentuk-dan-percetakan>).
- 4.5 Entiti dalam Universiti dan pertubuhan badan pelajar yang mempunyai hubungan dengan Universiti perlu mendapatkan kelulusan Pengarah PPKK atau staf yang diwakilkan kuasa oleh Pengarah PPKK sebelum menjalankan sebarang proses atau aktiviti penjenamaan dengan membuat permohonan secara bertulis melalui e-mel atau surat rasmi kepada Pengarah PPKK.

5. Kelulusan dan Kepatuhan Dalam Penggunaan Tanda Jenama Universiti

- 5.1 Semua staf, pelajar serta Pusat Tanggungjawab yang berhasrat menggunakan logo Universiti atau sebarang tanda jenama lain dalam menjalankan proses atau aktiviti penjenamaan yang berkaitan Universiti, hendaklah;
- 5.1.1 mendapatkan kelulusan PPKK untuk menggunakan mana-mana elemen atau tanda jenama Universiti;
- 5.1.2 mematuhi Manual Korporat (Lambang dan Motif Korporat) UTHM dan Garis Panduan Penggunaan dan Perlesenan Cap Dagangan UTHM bagi penggunaan tanda jenama Universiti yang boleh dicapai menerusi pautan ([Garis Panduan dan Polisi Penggunaan dan Pelesenan Tanda Niaga Universiti Kebangsaan Malaysia \(uthm.edu.my\)](https://uthm.edu.my/garis-panduan-dan-polisi-penggunaan-dan-pelesenan-tanda-niaga-universiti-kebangsaan-malaysia));

- 5.1.3 mematuhi pemakaian reka bentuk templat pembentangan rasmi yang disediakan PPKK bagi pembentangan dalam dan luar Universiti mengikut templat dan panduan yang boleh dicapai melalui pautan : (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/muat-turun/templat-perbentangan/3-templat-perbentangan>);
- 5.1.4 mematuhi pemakaian kod warna tema, kategori nama bangunan atau premis, kategori nama jalan atau lorong serta fasiliti Universiti mengikut Garis Panduan Penjenamaan Nama Bangunan, Jalan dan Fasiliti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ; (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/muat-turun/templat-perbentangan/77-garis-panduan/78-garis-panduan-penjenamaan-nama-bangunan-jalan-fasiliti>).
- 5.1.5 mematuhi pemakaian pakaian rasmi Universiti seperitimana yang ditetapkan dalam Panduan Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian Universiti yang mengguna pakai Pekeliling Am Negeri Johor Bilangan 5 Tahun 2018 mengenai Pakaian Seragam Dan Cara Berpakaian Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor yang boleh dicapai melalui pautan: (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/dasar-garis-panduan/panduan-pakaian-seragam-dan-cara-berpakaian>).

6. Peranan Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

6.1 Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat bertanggungjawab:

- (a) memastikan penjenamaan sejajar dengan hala tuju dan dasar strategik Universiti;

- (b) meluluskan penggunaan elemen dan tanda jenama Universiti untuk tujuan rasmi Universiti;
- (c) menyemak dan mengemas kini manual dan polisi yang berkaitan penjenamaan yang terpakai dalam Universiti dari semasa ke semasa;
- (d) menilai dan meluluskan, jika bersesuaian, penggunaan tanda jenama Universiti dan mempertimbangkan permohonan elemen jenama yang berbeza;
- (e) meluluskan penggunaan elemen dan tanda jenama oleh pihak ketiga;
- (f) mengesyorkan perubahan jenama Universiti kepada Jawatankuasa JKPPU, Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan atau pemakluman kepada Lembaga Pengarah Universiti; dan
- (g) mengambil tindakan untuk membetulkan pelanggaran dasar atau menangani pertikaian mengenai elemen dan tanda jenama Universiti.

7. Kebenaran Am dan Kelulusan Penggunaan Elemen dan Tanda Jenama Universiti

- 7.1 Mana-mana pindaan tanda jenama atau elemen jenama tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus Universiti yang ditentukan. Pengarah PPKK atau staf yang diwakilkan kuasa oleh Pengarah PPKK, boleh meluluskan penggunaan penjenamaan bersama seperti menggabungkan logo Universiti dengan satu atau lebih logo dan elemen jenama pihak ketiga.

- 7.2 Pengarah PPKK atau staf yang diwakilkan kuasa oleh Pengarah PPKK dengan kebenaran Jawatankuasa Eksekutif, boleh meluluskan logo korporat yang berbeza dalam situasi yang sangat terhad berikut;
- (a) Usaha sama undang-undang formal iaitu Universiti telah memeterai perjanjian usaha sama yang mengikat dari segi undang-undang yang menubuhkan entiti yang berbeza atau berasingan, yang mana, dengan persetujuan pihak-pihak, perjanjian itu dengan jelas meluluskan penciptaan logo korporat yang berbeza; dan
- (b) Entiti terkawal Universiti iaitu Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat berpuas hati bahawa fungsi atau aktiviti entiti adalah berasingan sepenuhnya daripada Universiti (iaitu ia tidak menyediakan perkhidmatan pendidikan atau penyelidikan, atau tidak menyediakan perkhidmatan kepada Universiti) atau di mana penggunaan jenama yang berbeza akan meningkatkan kapasiti entiti untuk memasarkan barang atau perkhidmatannya dalam pasaran yang kompetitif.
- 7.3 Jika Universiti bercadang untuk mengadakan perjanjian usaha sama yang memerlukan penciptaan logo korporat yang berbeza, keperluan untuk logo yang berbeza perlu mendapat persetujuan daripada JKPPU dan Lembaga Pengarah Universiti atau pihak yang diwakilkan kuasa oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 7.4 Staf dan pelajar yang ingin menggunakan mana-mana tanda atau elemen jenama Universiti, selain ketetapan seperti yang termaktub di dalam Manual Korporat dan Dasar Penjenamaan Universiti, perlulah mengemukakan permohonan pengecualian pemakaian kepada Pengarah atau staf yang diwakilkan kuasa oleh Pengarah PPKK.

- 7.5 Ketua PTj bertanggungjawab untuk memastikan staf di bawah seliaannya mematuhi apa-apa manual dan polisi yang berkaitan penjenamaan yang terpakai dalam Universiti. (Polisi Pemasaran, Polisi Media dan Manual Korporat yang boleh dicapai melalui pautan): (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/dasar-garis-panduan/polisi/polisi-pemasaran>) dan (<https://korporat.uthm.edu.my/ms/dasar-garis-panduan/polisi/polisi-media>).
- 7.6 Universiti boleh mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana pihak yang menggunakan logo atau tanda nama Universiti tanpa kebenaran.

8. Peranan dan Tanggungjawab

Peranan/Keputusan/Tindakan	Tanggungjawab	Had dan Syarat
<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan penjenamaan sejajar dengan hala tuju dan dasar strategik Universiti. • Memastikan proses dibangunkan dan dilaksanakan untuk menyokong dasar ini, diselaraskan dengan dasar ini pada setiap masa, dan disemak secara berkala dengan penambahbaikan secara berterusan. 	Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat	

<ul style="list-style-type: none"> • Mengesyorkan perubahan jenama jika perlu kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan oleh Lembaga Pengarah Universiti. • Meluluskan proses dan garis panduan untuk penggunaan dan perlindungan jenama, nama dan reputasi Universiti. • Mengambil tindakan untuk membetulkan pelanggaran dasar atau menangani pertikaian. 		
<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua warga Universiti mematuhi Manual Korporat (Lambang dan Motif Korporat) UTHM. 	Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)	

9. Perlindungan undang-undang

Tanda jenama UTHM adalah dilindungi oleh undang-undang di bawah undang-undang harta intelek dan tertakluk kepada Garis Panduan Penggunaan dan Perlesenan Cap Dagangan UTHM. Universiti hendaklah memperuntukkan sejumlah bajet tahunan bagi memastikan perlindungan ini berterusan dari semasa ke semasa.

10. Senarai Polisi / Garis Panduan Sedia Ada Berkaitan Penjenamaan

Polisi / garis panduan yang berkaitan penjenamaan adalah seperti berikut:

- (a) Manual Korporat (Lambang dan Motif Korporat) UTHM
- (b) Garis Panduan Penggunaan Dan Perlesenan Cap Dagangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- (c) Polisi Pemasaran UTHM
- (d) Polisi Media UTHM
- (e) Polisi Komunikasi Krisis UTHM
- (f) Garis Panduan Pengurusan Cenderamata UTHM
- (g) Garis Panduan Penyediaan Dan Penyerahan Berita UTHM
- (h) Garis Panduan Penjenamaan Nama Bangunan, Jalan dan Fasiliti UTHM
- (i) Panduan Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian UTHM

11. Pindaan

Dasar Penjenamaan UTHM boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Segala pindaan terhadap dasar ini hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Universiti yang bertanggungjawab meluluskan Dasar ini.